

# Bursa Malaysia lepassi 1,300 mata

Oleh AMRAN AHMAD

KUALA LUMPUR 10 April - Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia akhirnya melepasi paras 1,300 mata hari ini setelah mencatatkan prestasi memberangsangkan 1,306.34 mata semasa pasaran saham tempatan ditutup petang ini.

IK meningkat 7.98 mata daripada 1,298.36 mata semalam, menghampiri pencapaian tertinggi yang pernah dicatatkan bursa itu 13 tahun lalu.

Bursa Malaysia mencecah paras 1,332 mata pada Januari 1994.

Para penganalisis percaya indeks itu memberi gambaran bahawa pasaran modal tempatan kembali mendapat keyakinan pelabur asing dan memperlihatkan ekonomi Malaysia sedang melonjakkan kecergasannya.

## ● Komen Najib, penganalisis - Muka 2

Sejumlah 2.4 bilion saham bernilai RM2.875 bilion didagangkan hari ini, meningkat daripada 2.103 bilion saham bernilai RM2.815 bilion yang didagangkan semalam.

Secara keseluruhan, dagangan adalah kurang cergas dengan pelaburan tertumpu ke-

pada saham-saham mewah.

Para pelabur asing dan tempatan di peringkat institusi kewangan dan runcit dilihat tertarik dan menumpukan pelaburan mereka kepada saham-saham mewah dalam sektor hartanah, perladangan serta minyak dan gas.

Sebanyak 521 kaunter mencatatkan kerugian, mengatasi kaunter untung sebanyak 417 kaunter, 254 kaunter diniagakan tidak berubah manakala 195 kaunter lagi tidak diniagakan. Sebanyak 39 kaunter lagi digantung.

Semasa dibuka untuk dagangan pada pukul 9 pagi, IK mencatatkan 1,297.01 mata

Um - 11/4/2007  
iaitu turun 1.35 mata daripada 1,298.36 semasa ditutup semalam tetapi ia mula meningkat kepada 1,298.47 mata menjelang tengah hari.

IK mula mencecah 1,300 mata sekitar pukul 3 petang dan meneruskan trend menaik untuk mencecah paras 1,304.09 mata pada pukul 3.15 petang dan terus meningkat kepada 1,306.34 mata semasa dagangan ditutup pada pukul 5 petang.

Semalam, IK ditutup tinggi sebanyak 19.44 mata melonjak ke paras 1,298.36 mata sejajar dengan kenaikan yang dialami oleh bursa-bursa saham serantau seperti Singapura, Bangkok, Hong Kong dan Shanghai.